

CIDB PERIKSA 478 TAPAK BINA SELURUH NEGARA

Kuala Lumpur, 8 Oktober: Sejumlah 100 kompaun telah dikeluarkan dan 137 premis telah diarahkan tutup bagi tujuan pembersihan, manakala 127 buah lagi telah diarah melakukan pembersihan (tanpa diarah tutup) oleh Jabatan Kesihatan dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), dalam pemeriksaan berkaitan denggi di tapak bina seluruh negara antara 10 Mac 2014 sehingga 30 September 2014.

Sejumlah 478 tapak bina di periksa secara mengejut sepanjang tempoh itu dan daripada jumlah berkenaan, sebanyak 341 buah tapak bina atau 71.34 peratus dikesan bermasalah atau berisiko menjadi sarang pembiakan jentik-jentik atau telah menjadi tempat pembiakan.

Sebanyak 57 daripada 478 tapak bina tersebut (11.92 peratus) melibatkan projek kerajaan, di mana 19 tawaran kompaun dikeluarkan, 12 premis diarahkan tutup dan 10 diarahkan membuat pembersihan.

Pemeriksaan dimulakan sejak 10 Mac 2014 oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), sebuah agensi di bawah Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kesihatan. Ia kemudiannya diteruskan dengan Ops Mega dari 15 Julai 2014 hingga 30 September 2014, iaitu satu inisiatif Kementerian Kesihatan.

Di dalam Ops Mega tersebut, CIDB memainkan peranan sebagai anggota Pasukan Petugas Khas Denggi bersama-sama dengan Jabatan Kesihatan Malaysia (JKM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan JKPP. Semua pemeriksaan telah dijalankan di seluruh negara secara serentak dan diberikan tumpuan khusus kepada kawasan hotspot denggi di Lembah Klang dan Seremban.

Sementara itu, di dalam pemeriksaan yang bertumpu kepada Hotspot Denggi di Lembah Klang dan Seremban, antara 10 Mac 2014 sehingga 30 September 2014, sejumlah 300 buah tapak bina telah diperiksa. Daripada jumlah berkenaan, 238 buah tapak bina atau 79.33 peratus dikesan mempunyai masalah berkaitan pembiakan nyamuk Aedes.

Daripada tapak berkenaan, sejumlah 219 buah adalah tapak bina di Negeri Selangor dan selebihnya adalah di Wilayah Persekutuan dan Seremban.

CIDB telah mengeluarkan Pekeliling Tanggungjawab Kontraktor kepada semua kontraktor berdaftar dengan tujuan memberi peringatan supaya memberikan perhatian serius terhadap tanggungjawab mereka berkaitan keselamatan dan kesihatan, terutamanya yang menyentuh orang awam. Pekeliling dikeluarkan pada 1 September 2014 dan turut menyenaraikan peruntukan berkaitan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Akta 154).

CIDB dan Jabatan kesihatan juga telah mengadakan seminar kepada penggiat industri binaan di Selangor pada 24 September 2014 bagi meningkatkan kefahaman dan kesedaran mengenai wabak denggi yang sebahagiannya berpunca dari pengurusan tidak sempurna di tapak binaan.

CIDB akan mengambil tindakan disiplin ke atas kontraktor yang disabitkan kesalahan di mahkamah jika berlaku pelanggaran mana-mana undang-undang bertulis, termasuklah berkaitan pembiakan aedes di tapak bina.

Biarpun Ops Mega telah tamat pada 30 September 2014, kementerian menerusi CIDB akan terus memantau dan mengesan tapak bina berisiko menjadi tempat pembiakan Aedes dan akan menyalurkan maklumat tersebut kepada Jabatan Kesihatan.

Dalam pada itu, Kementerian Kerja Raya juga ingin mengingatkan golongan profesional seperti jurutera dan arkitek bahawa mereka turut bertanggungjawab dalam memastikan projek di bawah seliaan mereka tidak mengancam keselamatan dan kesihatan orang ramai. Tanggungjawab ini tidak boleh diletakkan dibahu kontraktor semata-mata, sebaliknya ia adalah tanggungjawab bersama.

YB DATUK HAJI FADILLAH HAJI YUSOF
MENTERI KERJA RAYA